

21/10/1998

Tiada alasan untuk pilihan raya awal

BACHOK, Selasa - Kerajaan tidak harus tunduk kepada tekanan dan desakan mana-mana pihak supaya pilihan raya umum diadakan lebih awal daripada tempoh mandat yang ditetapkan.

Pengerusi Jemaah Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata tidak ada alasan munasabah pihak tertentu di negara ini mendesak Yang di-Pertua Agong membubarkan Parlimen bagi membolehkan pilihan raya umum diadakan lebih awal.

Menurutnya, negara mempunyai tempoh mandat lebih setahun dari sekarang untuk mengadakan pilihan raya.

"Sebab itu, sebarang desakan tidak perlu dilayan. Kita ada tempoh setahun setengah lagi," katanya kepada pemberita di majlis penerangan isu semasa di Pejabat Kemas Bachok, Kampung Badak, dekat sini malam tadi.

Beliau yang juga Menteri Besar Terengganu diminta mengulas tuntutan pihak tertentu berhubung perkara itu, termasuk kumpulan yang menggelar diri mereka sebagai 'Rintihan Rakyat Kepada Raja-Raja' di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, Sabtu lalu.

Kumpulan itu dikatakan mendesak Yang di-Pertuan Agong membubarkan Parlimen bagi membolehkan pilihan raya umum diadakan lebih awal.

Wan Mokhtar berkata, pentadbiran negara di bawah kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekarang tiada cacat celanya sehingga memaksa kerajaan membubarkan Parlimen lebih awal.

"Malah, sudah banyak jasa yang dilakukan oleh Perdana Menteri untuk memberi kebaikan kepada negara," katanya.

Menurutnya, isu pemecatan Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan parti bukan alasan kerajaan harus mengikut telunjuk golongan itu kerana ia (pemecatan) menjadi amalan biasa dalam mana-mana kerajaan di dunia.

Beliau kesal kerana pemecatan Anwar itu menjadi isu dunia sehingga boleh menjejaskan nama baik negara.

"Bila orang dengki macam-macam helah boleh mereka buat. Negara-negara besar terutama yang banyak wang boleh buat macam-macam termasuk cuba memusnahkan kita.

"Kita diajar oleh Nabi kasihkan negara adalah sebahagian daripada iman. Cinta negara macam mana kalau kita memburukkan negara kita di luar," katanya.

(END)